

SURAT PEKELILING PERKHIDMATAN BIL. 18 TAHUN 1978

Tuan,

Cuti rehat bagi Hari Thaipusam untuk pegawai-pegawai yang beragama Hindu.

Saya adalah diarah memaklumkan bahawa walaupun Thaipusam adalah salah satu daripada hari kebesaran yang dirayakan oleh penganut agama Hindu, Hari Thaipusam tidak diistiharkan sebagai hari cuti umum Persekutuan.

2. Kerajaan telah memutuskan supaya cuti rehat diberikan kepada pegawai-pegawai Kerajaan dan pegawai-pegawai dan pekerja-pekerja sektor awam Malaysia yang menganut agama Hindu untuk merayakan Hari Thaipusam menggunakan kelayakan cuti rehat masing-masing. Dengan keputusan ini pegawai-pegawai dalam sektor awam Malaysia yang beragama Hindu yang berkhidmat di negeri-negeri termasuk Wilayah Persekutuan atau yang berkhidmat di luar negeri, di mana Thaipusam dirayakan oleh penganut-penganut agama Hindu tetapi hari itu bukannya hari kelepasan am, bolehlah diberi cuti rehat, jika mereka hendak merayakan Hari Thaipusam.

3. Oleh hal yang demikian Ketua-ketua Jabatan Kerajaan dan Ketua-ketua Pengurus Kerja, Pihak Pengurusan Badan-badan Berkanun dan Kuasa-kuasa Tempatan hendaklah meluluskan permohonan cuti rehat dari mana-mana pegawai dan kakitangan masing-masing yang beragama Hindu bagi maksud perayaan Hari Thaipusam. Hanya dalam keadaan yang istimewa, oleh sebab-sebab kepentingan awam yang mendesak, cuti rehat yang diminta boleh ditahan dan tidak diberikan.

4. Peruntukan di dalam Surat Pekeliling Perkhidmatan ini, seperti yang jelas meliputi Badan-badan Berkanun dan Kuasa-kuasa Tempatan. Setiausaha-setiausaha Kerajaan Negeri adalah diminta supaya mengeluarkan arahan seperti yang diberikan di dalam Surat Pekeliling Perkhidmatan ini kepada Pihak Pengurusan Badan-badan Berkanun dan Kuasa-kuasa Tempatan yang tertakluk di bawah tadbirannya.

Saya yang menurut perintah,

(NIK MUSA BIN NIK ABDULLAH)

Bahagian Gaji,

b.p. Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam,

Malaysia.

Semua Ketua Setiausaha Kementerian.

Semua Ketua Jabatan Persekutuan.

Semua Y.B. Setiausaha Kerajaan Negeri.

Semua Pihak Pengurusan Badan Berkanun.

Semua Pihak Pengurusan Kuasa Tempatan.